



PARAMETER AL-DHARĪAH MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

PARAMETER OF AL-DHARĪAH FROM THE PERSPECTIVE OF SHARĪ'AH

¹ Mohamad Shafiq Mohd Aswadi, ¹ Mohd Fuad Md Sawari, ¹ Miszairi Sitiris

^{*2} Ahmad Syukran Baharuddin

¹ Kulliyah Ilmu Wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
53100 Gombak, Selangor, Malaysia.

² Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

* Corresponding author. E-mail: ahmadsyukran@usim.edu.my

ABSTRACT

Al-Dharī'ah is an important concept in the issuance / establishment of Islamic law. In general, it covers two main parts, namely *sadd al-dharī'ah* and *fath al-dharī'ah*. However, this second part (*fath al-dharī'ah*) is less discussed in depth and extensively by previous scholars. Thus, this study is to produce pragmatic and practical parameters of *al-dharī'ah* according to the perspective of *Sharī'ah*. This study uses a library research methodology. The results of this study show that the parameters of *al-dharī'ah* produced must be holistic and comprehensive to cover the scope of *sadd* and *fath al-dharī'ah* so that the law issued/inferred can lead to permissible laws (such as obligatory, preferable, and allowable) or vice versa. The researcher suggested a solution so that the parameters of *al-dharī'ah* that have been produced can be applied in contemporary matters such as Islamic finance, halal industry, education, medicine and so on to ensure that *Sharī'ah* law is maintained and ensure that the *Maqāsid al-Sharī'ah* is achieved perfectly.

Keywords: *Al-Dharī'ah*, condition, *Maqāsid al-Sharī'ah*, parameter, *sadd al-dharī'ah*



ABSTRAK

Al-Dharī'ah adalah suatu konsep yang penting dalam pengistibatan hukum. Secara umumnya, ianya meliputi dua bahagian utama iaitu *sadd al-dharī'ah* dan *fath al-dharī'ah*. Walaubagaimanapun, bahagian kedua ini (*fath al-dharī'ah*) kurang diperbincangkan secara mendalam dan meluas oleh para ulama' terdahulu. Justeru, kajian ini adalah untuk menghasilkan parameter al-dhariah yang pragmatik dan praktikal menurut perspektif Syarak. Kajian ini menggunakan metodologi kajian perpustakaan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawasanya parameter al-dhariah yang dihasilkan perlulah holistik dan syumul merangkumi skop *sadd* dan *fath al-dharī'ah* supaya hukum yang dikeluarkan/diistinbatkan boleh membawa kepada hukum yang diperbolehkan (seperti wajib, sunat dan harus) ataupun sebaliknya. Pengkaji mencadangkan solusi agar parameter al-dharī'ah yang telah dihasilkan ini dapat diaplikasikan dalam perkara-perkara yang kontemporari seperti kewangan Islam, industri halal, pendidikan, perubatan dan sebagainya untuk memastikan hukum Syarak terjaga sekaligus memastikan *Maqāsid al-Syarī'ah* tercapai dengan sempurna.

Kata kunci: *Al-Dharī'ah*, keadaan, *Maqāsid Syarī'ah*, parameter, *sadd al-dharī'ah*

Pendahuluan

Seorang *mujtahid* mestilah mempunyai manhaj tertentu dalam mengeluarkan sesuatu hukum disebabkan itulah perlunya kepada kewujudan *mazhab fiqh*. Hal ini adalah sangat penting kerana *usūl mazhab* membantu seseorang melihat sesuatu perkara dan dalilnya dengan pandangan yang betul dan sahih menurut para salafus soleh iaitu generasi sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in. Sekiranya seseorang itu hanya menggunakan al-Quran dan al-Sunnah secara langsung untuk mengistinbat hukum, maka akan terdapat kelompondan pada proses tersebut disebabkan ketiadaan manhaj yang telah diasaskan para pengasas mazhab.

Antara indikator yang penting di dalam mengistinbatkan hukum adalah *sadd al-dhariah*. Ianya perlulah diimplementasikan sewajarnya menurut aturan dan panduan Syarak. Sekiranya perkara ini tidak diimplementasikan sewajarnya berasaskan panduan Syarak, maka akan terjadi situasi di mana akan terjadi *ghuluw*. Sama ada daripada segi menghalalkan yang haram ataupun mengharamkan yang halal. Justeru, amatlah penting dan mustahak untuk kita meneliti pendefinisian al-dhariah secara tuntas daripada segi literal dan kontekstual sebelum perbincangan yang lebih mendasar mengenai parameter al-dhariah dibuat agar mudah diimplementasikan oleh para pengkaji lain ke atas pelbagai bidang kelak.

Definisi Literal

Kalimah *al-dharī'ah* secara literal boleh dihubungkan dengan pelbagai makna dan interpretasi (Manzur Ibn, 1990). Antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Lengan
- 2) Berjalan
- 3) Kemampuan dan kompetensi
- 4) Menjerut/mencekik daripada belakang



Takrifan di atas daripada segi linguistik dan bahasa Arab, justeru amat penting untuk kita mengetahui asal-usul perkataan tersebut dan untuk apa ia digunakan di dalam Bahasa Arab sebagai pedoman dan panduan. Walaubagaimanapun, yang lebih penting adalah definisi kontekstual yang lebih mendasar dan menjurus kepada perbincangan isu utama dalam kajian yang akan dibentangkan oleh pengkaji selepas ini.

Definisi Kontekstual

Pendefinisian perkataan '*al-dharī'ah*' secara kontekstual perlulah merujuk kepada takrifan yang diperkenalkan oleh ilmuan ataupun pakar dalam bidang *fiqh* dan *usul al-fiqh*. Justeru, kajian mendapati terdapat dua golongan dalam mendefinisikan *al-dharī'ah*. Golongan pertama terdiri daripada sebilangan besar ulama *fiqh* dan *usul al-fiqh* telah mengambil pendekatan *sadd al-dharī'ah* dalam penulisan mereka yang menjadikannya lebih masyhur dan terkenal berbanding pendekatan yang lain. Pendekatan *fath al-dharī'ah* tidak disebut dengan jelas oleh mereka. Hal ini dapat dilihat dari pelbagai pendefinisian yang dikemukakan oleh para sarjana Islam seperti dalam jadual berikut:

No.	Nama ilmuan	Takrifan <i>al-Dharī'ah</i>
1	Al-Qadi Abdul Wahab al-Baghdadi	Beliau mentakrifkannya seperti berikut: "Suatu perkara yang seolah-olah dibenarkan jika tuduhan menjadi semakin kuat bahawa ianya adalah suatu jalan kepada perkara yang dilarang". (Al-Baghdadi, n.d.) Dari sudut pandangan pengkaji, takrifan ini hanya menghadkan takrifan '<i>al-dharī'ah</i>' kepada tindakan menghalang jalan kepada perkara terlarang yang nampaknya dibenarkan pada awalnya. Hal ini dapat dilihat dari perbuatan menghina Tuhan selain Allah adalah dilarang kerana akan membawa kepada tindakan menghina Allah. Oleh itu, tindakan menghina tuhan-tuhan lain sebelum larangan disebabkan <i>sadd al-dhariah</i> nampaknya dibenarkan secara batin atau zahir. Ungkapan "jika tuduhan menjadi semakin kuat" merujuk kepada cara tidak boleh dihentikan sekiranya sangkaan itu lemah sama ada berbentuk <i>ihtimal</i>, <i>shak</i>, <i>waham</i> atau <i>zan daif</i>. Oleh itu, tahap <i>ghalabah al-zan</i> dan <i>yaqin</i> akan dipertimbangkan untuk proses pelaksanaan <i>al-dharī'ah</i>. Pengesahan bahawa sesuatu perkara akan membawa kepada sesuatu yang terlarang mestilah diperiksa terlebih



No.	Nama ilmuan	Takrifan <i>al-Dharī'ah</i>
		dahulu sama ada kebarangkaliannya tinggi untuk berlaku ataupun sebaliknya.
2	Ibn Rushd	Beliau mentafsirkannya seperti berikut: "Suatu perkara yang kelihatan seperti halal tetapi akan membawa kepada suatu perkara yang haram". (Ibn Rushd, n.d.) Pengkaji berpendapat definisi tersebut hampir serupa dengan definisi <i>al-dharī'ah</i> yang diberikan oleh Imam Al-Qadi Abdul Wahab al-Baghdadi dalam aspek <i>sadd al-dharī'ah</i>. Namun dari segi skopnya lebih umum berbanding dengan takrifan Al-Qadi Abdul Wahab al-Baghdadi yang lebih khusus.
3	Ibn al-Arabi	Berdasarkan pendapat beliau mengenai pendefinisian '<i>al-dharī'ah</i>' ialah merujuk kepada perkara berikut: "Setiap akad yang dibenarkan yang mempunyai kemungkinan membawa kepada perkara yang haram." (Ibn al-Arabi, 1957) Takrifan ini juga sama dengan takrifan sebelumnya sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Qadi Abdul Wahab al-Baghdadi dan Ibn Rushd.
4	Imam Al-Shatibi	Imam Shatibi mentakrifkan <i>al-dharī'ah riah</i> seperti berikut: <i>"al-tawassul bima hua maslahah ila mafsadah.</i> (Peralihan daripada maslahah kepada mafsadah)." (Abu Ishaq Ibrahim Bin Musa Al-Shatibi, 1999) Apabila Imam Shatibi membincangkan mengenai '<i>al-wasilah bi al-maslahah</i>' ianya merujuk kepada perkara yang <i>jaiz</i> dan <i>mubah</i>. Malah, Imam al-Shatibi juga membincangkan di bawah isu ini berkaitan <i>maqasid al-mukallifin</i> dan <i>ma'alat al-af'al</i> dari sudut pandang implikasinya. Istilah '<i>al-tawassul</i>' juga merujuk kepada pelaku dan niatnya di dalam perbincangannya berkaitan dengan <i>al-dharī'ah</i>.

Jadual 1: Takrifan yang diberikan oleh pakar dalam bidang *fiqh* dan *usul al-fiqh* (kecenderungan lebih kepada *Sadd al-Dharī'ah*)



Kelompok kedua telah mengambil pendekatan yang lebih holistik dalam mendefinisikan *al-dharī'ah* yang merangkumi kedua-dua sisi *sadd* dan *fath* dari perspektif *al-dharī'ah*. Di antara ulama Islam yang terdahulu dan kontemporari yang mewakili kelompok kedua adalah seperti berikut:

No.	Nama ilmuan	Takrifan <i>al-Dharī'ah</i>
1	Imam Al-Qarafi	Beliau mentakrifkannya sebagai: "Ia adalah jalan yang membawa kepada sesuatu perkara". Jika <i>al-dharī'ah</i> itu wajib disekat, <i>wajib</i> juga dibuka atau dijadikan hukumnya kepada <i>makruh</i>, <i>mandub</i>, <i>mubah</i>. <i>Al-dharī'ah</i> merujuk kepada <i>al-wasilah</i>, <i>hukum wasilah al-muharram</i> adalah haram dan begitu juga sebaliknya. Contohnya adalah seperti usaha untuk menunaikan solat Jumaat dan Haji adalah sangat dituntut oleh Syarak (Al-Qarafi, 2010). Takrifan ini bersifat umum kerana ia boleh membawa kepada masalah atau mafsadah selain ia juga boleh membawa kepada <i>ahkam taklifi</i> seperti <i>haram</i>, <i>halal</i>, <i>mandub</i>, <i>makruh</i> atau <i>mubah</i> seperti yang disebutkan secara khusus oleh Imam al-Qarafi.
2	Ibn Qayyim al-Jauzi	"<i>Wasilah</i> atau <i>jalan menuju sesuatu perkara</i>" (Ibn Qayyim al-Jauziyyah & Bakar, 1991). Pendefinisian yang telah diberikan oleh Imam Ibn Qayyim al-Jauzi bersama dengan apa yang telah didefinisikan oleh Imam Qarafi.
3	Imam Abu Zuhrah	"<i>Al-dharī'ah</i> dan <i>al-wasilah</i> adalah dua istilah yang boleh ditukar ganti, setiap jalan kepada perkara yang haram maka hukumnya adalah haram dan begitu juga sebaliknya". (Abu Zuhrah, n.d.) Manakala Imam Abu Zuhrah berpandangan bahawasanya perkataan '<i>al-dharī'ah</i>' dan '<i>al-wasilah</i>' adalah dua perkataan yang mempunyai makna yang sama dan boleh saling bertukar ganti dalam pelbagai konteks dan situasi.
4	Wahbah Zuhaili	Beliau telah memilih definisi Ibn Qayyim al-Jauzi di dalam kitabnya (Al-Zuhaili, 1998).



No.	Nama ilmuan	Takrifan <i>al-Dhari'ah</i>
5	Muhammad Taqi al-Hakim	Beliau telah membataskan skop untuk pendefinisian sebagai: <i>"Al-dhari'ah ialah jalan menuju al-ahkam al-khamsah"</i> (Taqi al-Hakim, n.d.). Berbeza dengan para imam sebelumnya, suatu pembatasan skop dan ruang lingkup <i>al-dhari'ah</i> telah dikemukakan oleh Syekh Muhammad Taqi al-Hakim.
6	Abdullah bin Yusuf al-Jadi'	<i>"Wasilah untuk mencapai sesuatu perkara yang dilarang oleh Syarak yang berkaitan dengan mafsadah atau diiktiraf oleh Syarak yang berkaitan dengan al-maslahah"</i> (Al-Jadi', 2000). Syekh Abdullah bin Yusuf al-Jadi' juga mempunyai pandangan yang sama dengan Imam Abu Zuhrah yang menyatakan bahawasanya '<i>al-dhari'ah</i>' dan '<i>al-wasilah</i>' adalah perkataan yang berbeza yang membawa kepada makna yang sama.

Jadual 2: Takrifan *al-Dhari'ah* secara keseluruhan yang diberikan oleh pakar dalam bidang *fiqh* dan *usul al-fiqh* (kecenderungan lebih kepada *Fath al-Dhari'ah* dan *Sadd al-Dhari'ah*)

Oleh itu, pengkaji ingin memberikan pentakrifan operasi (*operational definition*) menggunakan dimensi baharu yang telah diolah semula oleh pengkaji berdasarkan semua takrifan yang telah diberikan oleh ulama'-ulama' terdahulu seperti berikut:

"Wasilah kepada ahkam taklifi al-khamsah cth. wujub, haram, mubah, mandub atau makruh sama ada secara langsung atau tidak untuk merealisasikan *al-maslahah al-rajiyah* atau menyekat *al-mafsadah al-rajiyah* dengan cara memanfaatkan hierarki keutamaan (*daruriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat*)."

Maksud *maslahah al-rajiyah* di sini adalah merujuk kepada masalah yang tidak bercanggah dengan dalil nas daripada al-Quran, Hadis dan qiyas. Jika berlaku sebaliknya, ianya dianggap sebagai *mafsadah rajiha* atau *maslahah fasidah* yang lemah, ditolak dan perlu disekat dengan apa jua cara sekalipun.

Kedua-dua objektif dan wasilah hendaklah diukur daripada segi konsistensinya, jika objektif seseorang mukalaf adalah untuk menunaikan haji, semua wasilah itu dianggap sebagai wajib. Sementara itu, jika objektif adalah untuk menghancurkan Islam dan umatnya, maka semua wasilah untuk membawa kepada objektif ini harus disekat sepenuhnya semampu mungkin.



Sejarah menunjukkan bahawa *al-dharī'ah* telah bermula sejak zaman para sahabat Nabi SAW kerana pada zaman Rasulullah SAW, wahyu masih berlaku. Ianya hanya selesai dengan kewafatan Nabi SAW. Oleh itu, pada zaman Rasulullah SAW, para sahabat biasanya merujuk kepada Nabi SAW untuk semua masalah mereka dalam kehidupan mereka. Jadi, para sahabat RA juga telah menggunakan indikator *al-dharī'ah* di dalam kehidupan mereka, cumanya tidak dinamakan secara spesifik terma tersebut. Walaubagaimanapun, tindakan mereka jelas menunjukkan mereka mempraktikkan *al-dharī'ah*.

Pertamanya, hal ini dapat dilihat menerusi *athar* Muadz bin Jabal apabila beliau dihantar ke Yaman di mana beliau menyebut bahawa beliau akan merujuk kepada al-Quran jika beliau dikehendaki mengeluarkan fatwa kepada ahli masyarakat di Yaman, jika tiada, beliau akan merujuk kepada Hadis Nabi SAW, jika masih tidak ditemui di dalam hadis Nabi SAW, beliau akan berijtihad dengan menggunakan kebolehan dan kemampuannya untuk mengistinbat fatwa untuk menyelesaikan masalah masyarakat di Yaman.

Kedua, peristiwa setiap kali ada pasukan yang dihantar ke perkampungan Yahudi Bani Quraizah, Rasulullah SAW berpesan kepada para sahabat RA supaya jangan solat sehingga sampai ke perkampungan Yahudi Bani Quraizah. Disebabkan kesuntukan masa, ada di antara para sahabat yang bersolat Asar di sepanjang perjalanan kerana faham arahan Rasulullah SAW agar mempercepatkan perjalanan ke destinasi. Sebahagian daripada mereka tidak solat Asar, kecuali di kampung Bani Quraizah. Kedua-duanya adalah betul atas ijtihad masing-masing. Ada para sahabat RA yang berpegang dengan arahan Rasulullah SAW secara literal dan ada para sahabat RA yang melihat kepada impak masa hadapan dan mesej yang disampaikan oleh Rasulullah SAW.

Berdasarkan bukti-bukti di atas, maka jelaslah kepada kita bahawasanya *al-dharī'ah* telah wujud semenjak zaman Rasulullah SAW. Justeru, adalah amat penting untuk kita berpanduan kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas *istinbat hukum*. Indikator *al-dharī'ah* hanyalah berfungsi sebagai platform untuk menginterpretasikan al-Quran dan al-Sunnah di dalam konteks dan pandangan yang sebenar seperti yang difahami oleh para sahabat RA dan salafus soleh.

Sorotan Literatur

Berdasarkan kajian kepada literatur terdahulu, penulis mendapati beberapa karya penulisan yang cukup bagus dan baik untuk dijadikan asas kepada kajian ini. Justeru, sorotan literatur terdahulu adalah seperti berikut:

Terdapat dua penulisan mengenai '*ma'ālat al-af'āl*' yang mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan *al-dharī'ah*. Salah satunya berkenaan *al-dharī'ah* adalah tesis sarjana yang bertajuk '*Ma'ālat al-Af'āl wa Atharuha fi Taghyīr al-Aḥkām*' dan pengarangnya ialah (Sālim, 1994). Penulis telah mengkategorikan penulisannya kepada dua segmen utama. Segmen pertama merujuk kepada aspek teoretikal bagi *ma'ālat al-af'āl* di mana segmen kedua merujuk kepada aspek praktikal berkaitan dengan kesannya terhadap perubahan *al-aḥkām*. Segmen pertama merujuk kepada definisi, hubungannya dengan *al-aḥkām*, pengkategorian *al-dharī'ah* yang terdiri daripada kedua-dua *sadd al-dharī'ah* dan *fath al-dharī'ah*, *ḥilah*, *mura'āt al-khilaf* dan banyak lagi.



Segmen kedua merangkumi pengkategorian *af'āl al-mukallaḥīn*, *al-maqāṣid al-mashrū'ah* dan *athar ma'ālat al-af'āl fi taghyīr al-aḥkām* di dalam bidang *'ibādāt* dan *mu'amalāt*.

Tesis kedoktoran bertajuk '*Tibār Ma'ālat al-Af'āl wa Atharuha al-Fiqhi*' yang dikarang oleh (Al-Husain, 2009) boleh dianggap sebagai salah satu sumbangan yang paling bermanfaat untuk bidang *al-dhari'ah*. Dalam penulisan ini, penulis telah memfokuskan kepada pendefinisian *ma'ālat al-af'āl*, pengkategorian, *dalil*, syarat, instrumen untuk mencapainya, istilah berkaitan, dan kesannya terhadap perundangan Islam. Antara istilah yang berkaitan ialah *maṣlahah*, *sadd al-dhari'ah*, *fath al-dhari'ah*, *mura'āt al-khilāf*, *darūrah*, dan sebagainya.

Tesis sarjana yang ditulis oleh (al-Muḥanna, 2003) bertajuk '*Sadd al-Dhari'ah 'inda Syaikh al-Islām Ibn Taimiyyah*' dari Universiti Umm al-Qurā merupakan hasil karya akademik yang penting dalam bidang *fiqh* dan *usul al-fiqh*. Penulis mendalami istilah *al-dhari'ah* serta istilah lain yang berkaitan seperti *al-muqaddimah*, *al-dalil*, *al-'asl*, *al-qā'idah*, *al-wasā'il* dan sebagainya. Beliau juga membahas *hujjiyyah al-dhari'ah* dari sudut pandangan Al-Quran, hadis Nabi dan tindakan para sahabat. Tambahan pula, pandangan setiap empat imam mazhab, ditambah pula dengan pandangan ulama *Zahiriyyah* tentang *sadd al-dhari'ah*, telah diperincikan dengan sangat baik. Kajian ini memfokuskan kepada *sadd al-dhari'ah* daripada perspektif Ibn Taimiyyah, termasuk konsep asasnya, perbezaan daripada *al-sabab* dan *al-hilah*, klasifikasi dan kriterianya. Walau bagaimanapun, hanya konsep *sadd al-dhari'ah* sahaja yang dibincangkan. Beliau juga tidak membincangkan konsep *fath al-dhari'ah* dalam penulisan. Pengkaji berhasrat untuk menyatukan dan menghubungkan dua konsep utama ini iaitu *fath al-dhari'ah* dan *sadd al-dhari'ah* di dalam satu penulisan bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai konsep *al-dhari'ah*.

Tesis kedoktoran yang bertajuk '*Nazariyyah al-Dhari'ah wa Tatbiqāt laha fi al-Mu'amalāt al-Māliyyah al-Hadīthah*' telah dihasilkan oleh (Abdul Aziz, 2005) sangat bermanfaat untuk penyelidikan ini. Penulis telah mencipta kerangka teori *nazariyyah al-dhari'ah* yang baharu. Ia adalah salah satu karya akademik pertama yang mengintegrasikan *sadd al-dhari'ah* dan *fath al-dhari'ah* ke dalam satu karya Arab. Pengarang telah membincangkannya secara mendalam daripada perspektif sejarah, iaitu zaman para sahabat dan *tābi'īn*, serta empat pengasas mazhab perundangan Islam. Pengarang juga menyentuh di dalam kajiannya tentang pengkategorian, istilah-istilah yang berkaitan, *hujjiyyah*, *al-dawabit*, dan kaitannya dengan dalil yang disepakati ahli *fiqh* dan dalil yang tidak disepakati oleh ahli *fiqh*. Bahagian aplikasi amat menarik, kerana penulis menggunakan *al-dhari'ah* untuk diaplikasikan ke atas isu-isu kewangan Islam moden.

Dalam tesis kedoktoran yang bertajuk '*Fath al-Dhari'ah wa Atharuh fi Al-Fiqh Al-Islami*' yang ditulis oleh (Thabajali, 2008) mencadangkan supaya konsep *fath al-dhari'ah* dibincangkan di dalam satu karya yang komprehensif dan holistik. Justeru, kajian ini adalah salah satu sumbangan terbaik untuk *al-dhari'ah*. Definisi *al-dhari'ah* dan *fath al-dhari'ah* telah dibincangkan dalam bab pertama. *Al-adillah al-naqliyyah*, *al-adillah al-'aqliyyah* dan *hujjiyyah fath al-dhari'ah* telah diperhalusi oleh penulis di dalam bab kedua. Akhir sekali, *qawaid al-tashriyyah*, yang merangkumi *al-qawaid al-fiqhiyyah*, *al-usuliyyah* dan *al-maqasidiyyah* yang berkaitan dengan *fath al-dhari'ah* telah dibincangkan oleh penulis dengan lebih terperinci. Tajuk-tajuk *usul al-fiqh* seperti *al-istihsan*, *al-hiyal* dan *al-makharij* telah dibincangkan dengan lebih mendalam di dalam bab empat, serta *rukhsah syariyyah* yang berkaitan *fath al-dhari'ah* juga turut dibincangkan. Menurut penulis, *ijtihad*



hendaklah dilakukan dengan menggunakan garis panduan *fath al-dharī'ah*. Natijahnya, pengkaji yakin dan percaya bahawa kajian yang mengkagumkan ini harus digabungkan dengan *sadd al-dharī'ah* untuk mengembangkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kerangka *al-dharī'ah* dan aplikasi praktikalnya pada masa kini supaya lebih bermanfaat untuk umat Islam.

Justeru, bagi menutup jurang kajian literatur yang terdahulu, kajian ini adalah bertujuan untuk melengkapkan sistem ilmu (*body of knowledge*). *Sadd al-dharī'ah* telah banyak dikaji oleh ulama *Syariah* terdahulu dalam pelbagai penulisan mereka. Walaubagaimanapun, *fath al-dharī'ah* pula kurang mendapat perhatian dan diberi penekanan yang sewajarnya. Justeru, pengkaji ingin mendalami *al-dharī'ah*, yang merangkumi kedua-dua *sadd* dan *fath al-dharī'ah* dengan tujuan untuk membangunkan sebuah parameter *al-dharī'ah* yang bersifat pragmatik dan praktikal untuk kegunaan umat Islam di pelbagai bidang dan lapangan.

Metodologi

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah penyelidikan kajian perpustakaan untuk menilai buku yang ditulis oleh para sarjana terdahulu dan ahli akademik kontemporari. Kaedah ini dilaksanakan menerusi pengumpulan data yang relevan melalui sumber rujukan seperti buku-buku, artikel-artikel dan pelbagai medium yang lainnya. Seterusnya data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan untuk menganalisis dan sintesis di antara suatu maklumat dengan maklumat yang lain (Leavy, 2017).

Akhirnya, data yang telah dianalisis dan disintesis ini perlu digunakan untuk membangunkan sebuah parameter yang pragmatik dan praktikal untuk diaplikasikan ke dalam berbagai-bagai bidang dan lapangan untuk manfaat dan kebaikan Umat Islam secara keseluruhan. Diharapkan para pengkaji masa hadapan dapat mengembangkan lagi parameter *al-dharī'ah* kepada bidang baru dan kontemporari yang sedang mereka kaji.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Di antara parameter *al-dharī'ah* menurut perspektif Syarak dapat diringkaskan di dalam bentuk yang ringkas untuk memudahkan pemahaman para pembaca menerusi jadual yang berikut:

Bil.	Parameter Pelaksanaan <i>al-Dharī'ah</i>	Contoh
1	Perbuatan yang dibenarkan akan membawa kepada kemudaran secara <i>qat'an</i> atau <i>ghaliban kathiran</i> .	Perbuatan yang dibenarkan akan membawa kepada kemudaran secara <i>qat'an</i> - penggalian lubang untuk telaga di belakang pintu rumah atau dalam kegelapan yang pasti menjerumuskan orang awam yang lalu lalang ke dalam lubang tersebut. Perbuatan yang dibenarkan yang akan membawa kepada mudarat <i>qat'an</i> atau <i>ghalabah al-zan</i>-menjual senjata pada masa perang (Abu Ishāq Ibrāhīm Bin Musa Al-Shatibi, 1998).



Bil.	Parameter Pelaksanaan <i>al-Dharī'ah</i>	Contoh
2	<i>Al-Dharī'ah</i> akan membawa kepada kemudharatan yang dilarang oleh Syarak sama ada dengan niat ataupun tanpa niat. Jika perkara sebaliknya berlaku, hukumnya adalah wajib menggunakan <i>fath al-dharī'ah</i> (Abu Zuhrah, 1978).	Tindakan menghina Tuhan agama lain. Niat dan matlamatnya adalah baik iaitu menyebarkan kebenaran agama yang benar dengan membandingkan dengan agama lain. Namun, penggunaan wasilah menghina dan mencela Tuhan agama lain dengan perkataan yang kasar adalah tidak sesuai dan dibenarkan dalam Islam kerana ianya akan membawa kepada kemudharatan lain kepada agama Islam [orang dari agama lain akan membalas dendam dengan menghina kembali agama Islam dan Tuhannya (Allah)].
3	Tahap kemudharatan mestilah <i>rajihah</i> bukan <i>mauhumah</i> atau <i>marjuhah</i> berbanding kemaslahatan. Sekiranya tahap kemaslahatan meningkat dan lebih banyak jika dibandingkan dengan kemudharatan, maka ianya tidak sepatutnya disekat.	Memberi rasuah kepada individu yang zalim bagi mengelakkannya daripada membunuh orang Islam. Justifikasinya adalah <i>hifz al-nafs</i> untuk memelihara nyawa seorang Muslim lebih diutamakan berbanding pembayaran wang rasuah kepada individu zalim yang dianggap pembaziran harta umat Islam (Abu Zuhrah, 1978).
4	Pelaksanaan <i>al-dharī'ah</i> mestilah tidak bercanggah dengan <i>al-nusus al-shariah</i>	Sebagaimana yang telah dibincangkan oleh ulama Malikiyyah bahawa hukum <i>makruh</i> pada ibadah puasa enam hari pada bulan Syawal kerana <i>al-dharī'ah</i> bagi anggapan manusia bahawa enam hari pada bulan Syawal juga wajib. Akan tetapi, hal tersebut bertentangan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Ayyub radhiyallahu 'anhu: Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa yang berpuasa di bulan Ramadhan, dan juga mengerjakan puasa (selama enam hari di bulan Syawal), maka baginya seolah-olah dia telah berpuasa sepanjang tahun". (Sāhīh Imām Muslim, 1955, h. 882)
5	Pelaksanaan <i>al-dharī'ah</i> tidak boleh bercanggah sama sekali dengan <i>Maqasid al-Sharī'ah</i> .	Tujuan <i>Maqasid al-Sharī'ah</i> adalah untuk mengelakkan kesusahan dan kepayahan kepada orang yang mukallaf. Tindakan menggunakan <i>sadd al-dharī'ah</i> secara berleluasa akan menyebabkan Umat Islam terhad daripada sudut pilihan dan tidak dapat mencapai kemaslahatan yang lebih besar.



Bil.	Parameter Pelaksanaan <i>al-Dhari'ah</i>	Contoh
6	Pelaksanaan <i>al-dhariah</i> tidak boleh bercanggah dengan keperluan <i>hajjah masah</i> .	Jika wilayah anak yatim disekat disebabkan pelaksanaan <i>al-dhari'ah</i> ke atas penyelewengan harta anak yatim, maka ianya akan menyebabkan hak anak yatim terabai. Sekiranya syahadah ditiadakan atas sebab penggunaan <i>sadd al-dhari'ah</i> daripada wujudnya saksi yang bersifat <i>al-kazib</i> , maka hak tersebut akan diabaikan.
7	Kewujudan <i>al-dhari'ah</i> mestilah tidak menyebabkan kefasadan berlaku secara realiti.	Niat tidak diambil kira kerana ianya mungkin tidak membawa kepada <i>mafasid</i> secara realiti (Abu Zuhrah, 1978). Secara ringkasnya, sesuatu wasilah itu tidak mengambilkira niat dalam menentukan sama ada untuk melaksanakan <i>sadd</i> ataupun <i>fath al-dhari'ah</i> ataupun tidak.
8	Fatwa berdasarkan <i>al-dhari'ah</i> tidak boleh digeneralisasikan untuk semua situasi dan tempat.	Unsur <i>uruf</i> memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap kebarangkalian untuk berlaku sama ada ianya kerap atau jarang berlaku (Al-Qarafi, 2010).

Sesuatu *Maqasid al-Shari'ah* itu hanya boleh direalisasikan sekiranya *al-dhari'ah* dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya (Makhdum, 1999; Baharuddin A. S., 2017)). Contohnya, ibadat haji diwajibkan kepada individu yang berkemampuan untuk melaksanakannya. Maka, segala jalan dan wasilah untuk mencapai ibadah haji tersebut adalah wajib dan sangat dituntut agar terlaksananya ibadah haji tersebut. Sebaliknya, jika sesuatu perkara membawa kepada larangan Syarak, maka perkara tersebut adalah ditegah sama sekali.

Untuk memastikan *Maqasid al-Shari'ah* dapat direalisasikan secara sempurna dan komprehensif, pengkaji mencadangkan kepada para pengkaji lain agar parameter yang telah dibangunkan ini dapat diaplikasikan kepada isu-isu terkini dan mutakhir di pelbagai lapangan dan bidang pada masa hadapan.

Kesimpulan

Konsep dan pelaksanaan *al-dhari'ah* adalah amat mustahak dan penting kerana ianya menyumbang sedikit sebanyak kepada *istinbat hukum*. Justeru, parameter yang berasaskan kepada *sadd* dan *fath al-dhari'ah* perlulah diseimbangkan dan diintegrasikan untuk memastikan sesuatu hukum yang diistinbatkan itu memenuhi dan mencapai *Maqasid al-Shari'ah* sekali gus mewujudkan *maslahah* dan pada masa yang sama dapat mencegah sesuatu kemudaratan dan kefasadan daripada berlaku. Kajian ini memfokuskan kepada penghasilan parameter pragmatik dan praktikal yang melibatkan *al-dhari'ah*. Ianya juga boleh dijadikan sebagai penanda aras dan sandaran asas untuk diaplikasikan kepada bidang yang berbagai-bagai seperti kewangan Islam, hab halal, pendidikan, perubatan dan sebagainya oleh para pengkaji lain di masa hadapan.



Rujukan

- Abdul Aziz, A. (2005). *Nazariyyah al-Dhari'ah wa Tatbiqat laha fi al-Mu'amalāt al-Māliyyah al-Hadithah*. Malaysia: Doctorate Thesis of International Islamic University Malaysia.
- Abu Zuhrah, M. (1978). *al-Imām Mālik Hayatuhu wa 'Asruhu wa Ara'uhu al-Fiqhiyyah*. Mesir: Dār al-Fikr al-'Arabi al-Qāhirah.
- Abu Zuhrah, M. (t.t.). *Uṣūl al-Fiqh*. t.t.: Dār al-Fikr al-'Arabi.
- al-Baghdādī, A. M. A. W. B. A. (t.t.). *al-Ishraf 'ala Masa'il al-Khilaf*. Ed. 1. t.t.: Maktabah al-irādah.
- al-Ḥusain, W. B. 'Ali. (2009). *I'tibār Ma'ālat al-Af'āl wa Atharuha al-Fiqhi*. Saudi Arabia: Dār al-Tadmuriyyah.
- al-Jadī, A. B. Y. (2000). *Taisir 'Ilm Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Rayyān.
- al-Muḥanna, I. bin 'Abdullah. (2003). *Sadd al-Dhari'ah 'inda Syaikh al-Islām Ibn Taimiyyah*. Riyadh: Dār al-Faḍīlah.
- al-Qarāfi, A. A. (2010). *al-Furūq li al-Qarāfi*. Ed. 1. Mesir: 'Alim al-Kutub
- al-Shaṭībī, Abu Ishāq Ibrāhīm Bin Musa. (1999). *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. (Ed. 2). Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Zuhaili, W. (1998). *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmi*. (Ed. 2). Damsyik: Dār al-Fikr.
- Baharuddin, A. S. (2017). The Integration of Forensic Science Fundamentals and Al-Qarinah Towards Achieving Maqasid Al-Shari'ah. *Doktor Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*.
- Ibn al-'Arabi, A. B. M. B. A. (1957). *Aḥkām al-Qur'ān*. (Ed. 2). Beirut: Dār Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ibn Manzur, J. al-D. (1990). *Lisān al-'Arab*. (Ed. 8). Beirut: Dār Ṣādir.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, S. A. A. M. B. A., & Bakar. (1991). *I'lam al-Muwaqqi 'in 'an Rabb al-'Alamīn*. (Ed. 3). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Rushd, A. al-W. M. B. A. (t.t.). *al-Muqaddimāt al-Mumhidāt*. Beirut: Dār Ṣādir (Ed. 2).
- Leavy, P. (2017). *Research Design: Quantitative, Qualitative, Mixed Methods, Arts-Based and Community-Based Participatory Research Approaches*. New York: The Guilford Press.
- Makhdūm, M. (1999). *Qawā'id al-Wasā'il fi al-Syarī'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dār Ishbīliyyā.
- Sālim, Ḥusain. (1994). *Ma'ālat al-Af'āl wa Atharuha fi Taghyir al-Aḥkām*. Jordan: Library of University of Jordan.
- Taqi al-Hākim, M. (t.t.). *al-Uṣūl al-'Ammah lil Fiqh al-Muqāran*. t.t.: Dār al-Andalūs.
- Thabajali, M. R. F. (2008). *Fath al-Dhari'ah wa Atharuh fi Al-Fiqh Al-Islami*. Jordan: Dār al-Nafā'is.